

Latihan kata sendi nama

Garis kata sendi nama yang betul.

1. Baju itu (di / pada) dalam almari.
2. Ahmad berjalan (ke / kepada) perhentian bas.
3. Kucing itu melompat keluar (dari / daripada) tingkap.
4. Buku ini (pada / untuk) Cikgu Fauziah.
5. Rama-rama hinggap (pada / di) bunga.
6. Ayu dan adiknya (ke / kepada) taman permainan.
7. (Di / Pada) hujung minggu, kami pulang ke kampung.
8. Pasukan pengakap dibahagikan (pada / kepada) dua kumpulan.
9. Kapal terbang Malaysia Airlines telah berlepas (daripada / dari) Taiwan menuju ke Malaysia.
10. Tabung yang unik itu diperbuat (daripada / kepada) tempurung kelapa.

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

| | |
|----------|--------|
| pada | kepada |
| di | dari |
| ke | |
| daripada | |

1. Encik salim pergi _____ pejabat dengan kereta.
2. Ibu menyiram bunga _____ setiap petang.
3. Kasut itu _____ bawah kerusi.
4. Cikgu Azizi memberikan buku itu _____ Fahmi.
5. Munirah lebih tinggi _____ kakaknya.
6. Encik Chew Boon berasal _____ Perak.